

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEK
ABDUL RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
LIBAT URUS WARGA UiTM CAWANGAN
SELANGOR BERSAMA REKTOR
2026**

**4 FEBRUARI 2026 | RABU | 9.00 PAGI
DEWAN KULIAH 500 (DK500)
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih pengacara majlis – Encik Faris

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI RABBIL ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIBI AJMAIN**

YBrs. Profesor Ir. Ts. Dr. Mohamad Hafiz Mamat
Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanapiah
Timbalan Rektor Bahagian Hubungan Industri,
Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE),
Menjalankan Tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal
Pelajar

YBrs. Profesor Ir Ts Dr Solehuddin Shuib

Penolong Rektor Kampus Sungai Buloh, Selayang
dan Teluk Intan

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
Merangkap Penasihat Program

YBrs. Puan Nor Azyyati Md Saad

Koordinator Komunikasi Korporat
Merangkap Pengerusi Program

Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan
Selangor

Barisan Dekan dan wakil Dekan Fakulti

Ahli Jawatankuasa Pelaksana, Tuan-tuan dan puan-
puan, warga kerja UiTM Cawangan Selangor yang
saya kasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan limpah dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama untuk berkumpul pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada **Unit Komunikasi Korporat** atas inisiatif dan usaha selaku penganjur, dengan kerjasama **Bahagian Hal Ehwal Pelajar** bagi menjayakan **Libat Urus Warga UiTM Cawangan Selangor Bersama Rektor 2026**.

3. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada semua tetamu jemputan dan warga UiTM Cawangan Selangor yang sudi hadir meluangkan masa bersama.

Pergi ke taman memetik bunga,
Bunga disusun indah berseri;
Libat urus pemangkin wacana,
Warga bersatu menjulang aspirasi.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sepanjang tahun 2025, UiTM Cawangan Selangor telah menerima seramai **29 orang staf baharu** yang melapor diri.

5. Daripada jumlah itu, **14** daripadanya merupakan staf yang menerima lantikan pertama di UiTM, **6** melapor diri atas kenaikan pangkat, manakala **9** melapor diri atas pertukaran tempat bertugas.

6. Saya percaya bahawa kehadiran staf baharu ke UiTM Cawangan Selangor akan memperkukuh keupayaan jabatan melalui sumbangan, komitmen dan idea segar yang dibawa.

7. Dengan nilai tambah serta kepakaran masing-masing, saya yakin kita dapat meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan dan terus mengangkat martabat UiTM di peringkat nasional dan global.

8. Tahniah saya ucapkan kepada **27 orang** staf UiTM Cawangan Selangor yang telah menerima kenaikan pangkat ke gred baharu sepanjang 2025 iaitu **19 orang** staf di Kumpulan Pengurusan & Profesional serta **8 orang** staf di Kumpulan Pelaksana.

9. Semoga anda semua terus komited dalam meningkatkan kecemerlangan diri serta organisasi dalam bidang masing-masing.

10. Jika ada yang datang, pasti ada juga yang pergi. Tahun 2025 menyaksikan seramai **8 orang** staf UiTM Cawangan Selangor yang telah bersara.

11. Terima kasih saya ucapkan di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang di UiTM.

12. Tidak ketinggalan, mewakili pihak pengurusan, saya merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga serta waris **3 orang** staf UiTM Cawangan Selangor yang telah kembali ke Rahmatullah.

13. Pendahuluan **Skim Khairat Kematian** sebanyak **RM5,000** telah diserahkan kepada waris bagi membantu meringankan kewangan waris dalam menguruskan jenazah.

14. Marilah kita sama-sama sedekahkan Al-Fatihah kepada mereka yang telah pergi meninggalkan kita. Al- Fatihah.

Hadirin yang dikasihi,

15. Sepanjang tahun 2025, warga UiTM Cawangan Selangor telah melakar kejayaan demi kejayaan yang amat membanggakan.

16. Syabas dan tahniah saya ucapkan, serta jutaan terima kasih atas kerja keras, komitmen dan dedikasi berterusan anda semua dalam memastikan #UCScemerlang.

17. Pencapaian yang dikecapi sama ada melalui kecemerlangan individu dalam bidang kepakaran masing-masing mahupun kejayaan yang diraih secara berkumpulan jelas membuktikan keupayaan warga UCS untuk bergerak seiring, saling melengkapi dan menyokong antara satu sama lain.

18. Inilah kekuatan sebenar UCS, apabila kejayaan tidak hanya diukur melalui hasil, tetapi melalui semangat kebersamaan, kebertanggungjawaban

dan iltizam bersama untuk terus memacu kecemerlangan yang mampan.

19. Saya juga berbesar hati mengucapkan tahniah kepada barisan pengurusan kanan yang baharu dilantik pada tahun 2025, sekali gus menjadi ahli JKEN UiTM Cawangan Selangor.

20. Saya turut mengucapkan “Selamat Datang” kepada warga Fakulti Sains Maklumat dan Fakulti Filem, Teater dan Animasi ke dalam keluarga besar UiTM Cawangan Selangor.

21. Saya berharap barisan pengurusan akan terus memperkukuh kepimpinan strategik UiTM Cawangan Selangor, seterusnya memacu tadbir urus yang berkesan serta membawa institusi ini ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

22. Kita juga harus akui bahawa peratusan besar kecemerlangan UCS adalah hasil sumbangan para mahasiswa. Kita seharusnya menghargai para pelajar yang juga nadi kepada perkembangan UCS.

23. Pelbagai bentuk kejayaan telah dikecap oleh para pelajar dari segala bidang. Tidak ketinggalan, aktiviti kesukarelawan yang dijalankan.

24. Kejayaan mereka membuktikan mahasiswa UiTM bukan sahaja berprestasi tinggi, malah kreatif, dan seimbang dalam akademik, kepimpinan, disiplin, dan sahsiah diri.

25. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk mahasiswa terus menabur bakti dan mencapai lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

26. Saya yakin sebahagian besar warga yang berada di hadapan saya pada hari ini sentiasa mengikuti berita serta perkembangan semasa UCS melalui pelbagai medium rasmi, termasuk saluran media sosial Facebook dan Instagram, yang berperanan sebagai platform penyampaian maklumat, pencapaian dan inisiatif strategik kepada seluruh warga.

27. Pendedahan kepakaran warga yang meluas melalui media arus perdana bukan sahaja meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan UCS, malah menyokong usaha penjenamaan universiti secara strategik dalam landskap pendidikan tinggi negara.

28. UiTM Cawangan Selangor sentiasa berusaha memastikan setiap berita berkaitan UCS tidak hanya berlegar dalam kalangan warga semata-mata, sebaliknya diperluaskan ke peringkat nasional agar

nama dan reputasi UCS terus diperkukuh sebagai sebuah universiti yang relevan, berdaya saing dan berimpak tinggi.

29. Melalui inisiatif Unit Komunikasi Korporat dalam meningkatkan ketampakan serta menjaga imej universiti, sebanyak **43** liputan berita berkaitan UiTM Cawangan Selangor telah disiarkan di media arus perdana sepanjang tahun 2025.

30. Selain itu, berdasarkan laporan **iSENTIA**, sebuah syarikat yang memantau dan menganalisa liputan media serta reputasi organisasi, dan dipantau oleh **Pejabat Komunikasi Strategik UiTM**, jumlah nilai berita UCS mencatat peningkatan ketara pada tahun 2025, mencapai **RM9.5 juta** berbanding tiga tahun lepas.

31. Peningkatan ini mencerminkan pengiktirafan dan reputasi positif UCS dalam media dan komuniti.

32. Pencapaian ini wajar diberi penghargaan, dan setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga yang telah menyumbang, dan Unit Komunikasi Korporat yang telah menjalinkan jaringan kerjasama media bagi mendapatkan ruang dan peluang agar kepakaran warga dikongsikan.

33. Ketampakan UCS sebagai institusi pengajian tinggi yang komprehensif dan berpotensi sebagai pusat kepakaran dan sumber penyelidikan yang berimpak tinggi, turut didokong oleh **Bahagian Penyelidikan dan Inovasi**.

34. Melalui jaringan kolaborasi yang aktif di peringkat nasional dan antarabangsa, kolaborasi dalam penyelidikan dapat memberi peluang kepada para pelajar dan staf untuk terlibat dalam projek-projek yang dapat memperluas pengetahuan dan kemahiran.

35. Suka saya kongsi bahawa hasil kunjungan BPI ke Universitas Negeri Malang telah membuahakan pelaksanaan **11 projek penyelidikan bersama** melalui Skim Geran Padanan (Matching Grant) UiTM–UM dengan nilai keseluruhan **RM590 ribu**, yang merupakan peruntukan bersama daripada kedua-dua institusi.

36. Manakala kunjungan ke Universitas Brawijaya telah membuka ruang kerjasama penyelidikan berimpak tinggi melalui Skim Geran Padanan (Matching Grant), penganjuran persidangan bersama, penerbitan berindeks, mobiliti pensyarah dan pelajar, serta perkongsian kepakaran dalam bidang-bidang khusus.

37. Untuk makluman, geran bersama Universitas Brawijaya dijangka akan dibuka dalam masa terdekat, dalam Februari ini.

38. Pencapaian cemerlang para penyelidik kita juga yang merupakan tunjang kepada ketampakan universiti, amat membanggakan dan secara langsung memperkukuh reputasi UCS.

39. Tahniah saya ucapkan.

40. Saya percaya, pelbagai program dan aktiviti yang dianjurkan oleh **Bahagian Hal Ehwal Pelajar** dengan kerjasama agensi luar bukan sahaja dapat membentuk sinergi yang baik.

41. Ia juga sekaligus mengharumkan nama dan meningkatkan imej UCS sebagai sebuah institusi yang berpotensi tinggi.

42. Lebih penting, usaha-usaha yang dijalankan oleh HEP memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengalaman, kemahiran insaniah dan keyakinan diri yang merupakan aset berharga.

43. **Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (iCARE)** juga telah mengadakan kunjungan di beberapa agensi sebagai langkah meningkatkan ketampakan, di antaranya adalah:

i. **Lawatan Penanda Aras ke PLUS Malaysia Berhad** - bertujuan untuk meneliti ekosistem pengurusan komersial serta strategi perkhidmatan pelanggan yang berimpak tinggi. dan

ii. **Lawatan Industri ke Genting Malaysia Berhad** bagi meneroka potensi kolaborasi dalam sektor perkhidmatan dan hiburan.

44. Bagi menyokong inisiatif ketampakan di pelbagai peringkat, **BPSM** juga mengadakan lawatan penanda aras ke agensi luar di samping turut menerima kunjungan dari jabatan di UiTM serta agensi luar .

45. BPSM turut mencatat pencapaian membanggakan apabila meraih kedudukan sebagai **Johan** dalam **Pertandingan Sudut Kitar Semula 2025** anjuran **Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)** bagi **kategori IPTA/IPTS**.

46. Tahniah diucapkan kepada BPSM atas inisiatif dan usaha yang ditunjukkan untuk menyerlahkan ketampakan UCS serta menyokong kelestarian alam sekitar dan budaya kitar semula.

47. Inisiatif ketampakan **Bahagian Kewangan** pula dilaksanakan melalui pengurusan kewangan yang mampan, dengan strategi yang telus, cekap dan inklusif, bagi memastikan keperluan pelbagai pelanggan dapat dipenuhi dengan optimum.

48. Sejalan dengan tema “**Kebersamaan Melestari Kewangan Universiti**” dalam amanat Bendahari 2025, Bahagian Kewangan telah menyantuni

pelbagai pihak bagi berkongsi maklumat dan membincangkan pelbagai inisiatif dan inovasi yang boleh dilaksanakan secara bersama.

49. Ketampakan **PTAR** diperkukuhkan melalui pelbagai aktiviti lawatan dan kunjungan rasmi dari institusi dalam dan luar negara.

50. Ketampakan PTAR di peringkat antarabangsa tidak hanya melalui siri-siri lawatan yang diterima, tetapi juga melalui penawaran program latihan industri kepada pelajar luar negara.

51. Saya yakin, melalui usaha ini, UCS dapat menonjolkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada warga universiti dalam menyokong penyelidikan serta pembelajaran graduan.

52. **Bahagian Pengurusan Fasiliti** pula telah menerima beberapa kunjungan lawatan kerja serta penanda aras, yang secara jelas menyerlahkan kepakaran dan keupayaan yang ada di UiTM Cawangan Selangor.

53. Usaha berterusan dalam memastikan fasiliti kampus diurus dengan baik bukan sahaja memudahkan operasi harian, malah meningkatkan keyakinan pihak luar dan rakan strategik terhadap profesionalisme UCS.

54. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan perkhidmatan awam dan aspirasi universiti dalam menyokong usaha pendigitalan, **Bahagian Digital** telah membuat lawatan penanda aras ke Jabatan Digital Negara bagi melihat dan memahami strategi pengautomasian serta amalan terbaik dalam aspek pengurusan sistem dan transformasi digital.

55. Hasil lawatan ini telah menjadi input kepada penghasilan inovasi melalui Projek KIK yang telah berjaya menempatkan UCS ke Konvensyen KIK 2025 Peringkat UiTM.

56. Manakala **UHEI** telah mengadakan kunjungan ke Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor, bagi menjalin hubungan strategik serta mendalami pendekatan dan pelaksanaan program dakwah di peringkat negeri sebagai panduan untuk diaplikasikan di UCS.

57. UHEI turut meningkatkan ketampakan dengan penganjuran Konvensyen Undang-Undang Jenayah Islam Tahun 2025, bersama Jabatan Agama Islam Selangor sebagai platform perkongsian ilmu dan jaringan strategik.

58. **Pejabat Polis Bantuan** turut melaksanakan beberapa lawatan penanda aras dan kunjungan

strategik, bagi berkongsi pengalaman, menambah baik pengurusan keselamatan kampus dan proses kerja kawalan keselamatan.

59. Inisiatif ini juga bertujuan merapatkan hubungan antara Pejabat Polis Bantuan dengan pelbagai PTJ serta pelajar, sekaligus meningkatkan ketampakan dan profesionalisme dalam menyokong operasi keselamatan kampus secara bersepadu.

60. Sejar dengan usaha meningkatkan ketampakan **Kampus Sungai Buloh**, Pejabat Penolong Rektor telah mengadakan sesi perjumpaan bersama staf, serta melaksanakan kunjungan hormat ke pelbagai agensi dan institusi bagi memperkukuh hubungan strategik.

61. Selain itu, lawatan penanda aras oleh unit-unit di bawah Pejabat Penolong Rektor turut dijalankan

untuk mempertingkatkan perkongsian amalan terbaik dan membina jaringan strategik yang mampan.

62. Kesemua inisiatif ini secara langsung menyokong usaha memperluas ketampakan UiTM Cawangan Selangor dan meningkatkan reputasi kampus di peringkat nasional.

63. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua PTJ atas usaha dan inisiatif yang diambil bagi meningkatkan ketampakan UiTM Cawangan Selangor.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

64. Seperti semua warga sedia maklum, penjanaaan pendapatan merupakan satu aspek penting dalam pengurusan kewangan universiti.

65. Ia merujuk kepada usaha dan aktiviti yang dilakukan oleh institusi pendidikan untuk

menghasilkan sumber kewangan melalui pelbagai inisiatif.

66. Dalam konteks ini, universiti perlu mengurangkan kebergantungan kepada dana awam dan menjana pendapatan dalaman yang mampan.

67. Selain pengurusan perbelanjaan yang berkesan, bagi memastikan kemampuan kewangan UCS di landasan yang betul, aktiviti penjanaan pendapatan juga telah dilaksanakan dengan pengwujudan **Task Force Penjanaan Pendapatan UCS**.

68. Bagi tujuan pemantauan hasil penjanaan pendapatan ini, **Bahagian Kewangan** telah diberikan **2 Performance Indicator (PI)** bagi tahun 2025 iaitu **PI 128** – Penjanaan Pendapatan Kumpulan Wang Pengurusan yang mensasarkan jumlah pendapatan sebanyak **RM 1.7 juta** dan **PI 129** - Penjanaan Pendapatan Kumpulan Wang Amanah yang

mensasarkan jumlah pendapatan sebanyak **RM3.5 juta**.

69. Sepanjang 2025, UCS telah mencapai **RM 1.73 juta** atau **102.28%** untuk PI 128 dan **RM4.2 juta** atau **122.54%** untuk PI 129.

70. Alhamdulillah dengan pemantauan dan pengurusan hasil yang baik, jumlah yang disasarkan dapat dicapai.

71. Pada tahun 2025, pengurusan kewangan UiTM Cawangan Selangor menghadapi cabaran awal apabila terdapat pemotongan terhadap peruntukan tahunan, yang menuntut pendekatan pengagihan kewangan yang lebih teliti dan strategik.

72. Walaubagaimanapun, dengan pelaksanaan pengurusan kewangan yang efektif hasil kerjasama setiap warga dalam melaksanakan perbelanjaan

berhemat, kita telah berjaya menghadapi cabaran tersebut dengan sebaiknya.

73. Sehingga bulan Disember 2025, kesemua Kampus UCS secara puratanya telah mencatatkan prestasi perbelanjaan pada tahap peringkat bayaran sebanyak **95%**.

74. Prestasi ini menunjukkan kewangan telah dibelanjakan mengikut keperluan dan selaras dengan peruntukkan yang diberikan pada awal tahun.

75. Justeru, sebagai menghargai warga kerja dan pelajar, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan peningkatan kemudahan kepada warga menjadi agenda penting yang dipertimbangkan oleh pihak pengurusan.

76. Alhamdulillah berkat usaha gigih semua pihak dalam usaha meningkatkan Penjanaan Pendapatan

Kumpulan Wang Amanah, sebanyak **25 projek** yang berjumlah **RM 2.5 juta** telah diluluskan sepanjang tahun 2025 bagi meningkatkan kemudahan fasiliti dan memberikan keselesaan kepada warga kampus.

77. Diantara projek dan aktiviti yang dilaksanakan di Kampus Puncak Alam & Puncak Perdana adalah:

- i. Ubahsuai dan naiktaraf pusat pelajar NR
- ii. Pembaikan sistem elektrik di gelanggang sukan berhampiran Kolej Casuarina,
- iii. Pembinaan laluan pejalan kaki berbumbung di hadapan Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan
- iv. Penggantian pintu utama dan penambahbaikan landasan *auto gate* di Kolej Jasmine, Kampus Puncak Perdana.

78. Manakala di Kampus Sungai Buloh, antara projek dan aktiviti yang dilaksanakan adalah:

- i. Pembaikan lantai retak di aras 5, Bangunan Anatomi dan Makmal Pelbagai Guna, Fakulti Perubatan
- ii. Naiktaraf Dewan Bestari di bangunan Kolej Kediaman 1
- iii. Ubahsuai dan infrastruktur bilik-bilik bagi pemasangan kelengkapan kerusi pergigian,
- iv. Kerja-kerja membekal, memasang dan membina pagar jenis *anti climb*
- v. Menaiktaraf gelanggang sukan bola tampar dan futsal serta membaiki pagar di sekeliling gelanggang

79. Bagi Kampus Dengkil pula projek dan aktiviti yang dilaksanakan adalah kerja-kerja pembaikan kerusi dan meja dewan-dewan kuliah.

80. Saya amat berharap agar tahun ini penjanaaan pendapatan Kumpulan Wang Amanah dapat terus

diperkukuh demi kesejahteraan dan manfaat bersama warga.

81. Oleh kerana UCS mempunyai beberapa kampus dan pastinya masalah pembiayaan projek dan aktiviti wujud.

82. Namun, saya bersyukur dengan semangat kebersamaan, kita telah melaksanakan perkongsian peruntukan di antara kampus-kampus di UCS bagi beberapa pembiayaan projek.

83. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua PTJ yang terlibat dalam segala projek pembangunan, terutamanya **Bahagian Pengurusan Fasiliti** yang banyak terlibat dalam kesemua projek yang diluluskan.

Warga yang dikasihi,

84. Penyampaian perkhidmatan adalah komponen penting dalam menentukan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh sesebuah organisasi.

85. UiTM Cawangan Selangor kekal teguh sebagai kampus berorientasikan penyelidikan. Melalui **Bahagian Penyelidikan dan Inovasi**, pelbagai inisiatif digerakkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan penyelidikan terus cemerlang dan selaras dengan hasrat universiti membudayakan penyelidikan berimpak tinggi.

86. BPI telah melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti penerbitan dalam kalangan staf akademik, termasuk sesi bimbingan penulisan, kolokium penyelidikan, dan jalinan kolaborasi antara fakulti serta rakan industri.

87. Tahniah diucapkan kepada seluruh warga akademik UiTM Cawangan Selangor atas pencapaian cemerlang dengan jumlah keseluruhan penerbitan sebanyak **2,294** artikel bagi tahun 2025.

88. Pemantauan projek penyelidikan kini juga dilaksanakan secara lebih sistematik melalui pendekatan berasaskan data dan indikator prestasi utama (KPI), bagi memastikan kemajuan projek, perbelanjaan, serta hasil penyelidikan berada pada landasan yang ditetapkan.

89. Usaha ini turut diperkukuh dengan kolaborasi rentas fakulti dan multidisiplin, yang membuka ruang kepada penghasilan penyelidikan berimpak tinggi serta penerbitan dalam jurnal Q1 dan Q2.

90. Keseluruhannya, pendekatan bersepadu ini membuktikan bahawa kejayaan penyelidikan bukan sahaja bergantung kepada jumlah penerbitan, tetapi

juga kepada keberkesanan tadbir urus, kualiti pelaksanaan, dan budaya kolaboratif yang digerakkan oleh BPI.

91. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penyelidik, fakulti dan pasukan BPI atas dedikasi dan komitmen dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan berimpak tinggi di UiTM Cawangan Selangor.

92. Manakala bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang komprehensif kepada pelajar, **HEP** telah meluluskan sejumlah peruntukan bagi tujuan pembangunan pelajar;

- i. Tabung Am Kolej - RM 2.9 juta
- ii. Geran Kegiatan Pelajar - RM619 ribu
- iii. Tabung Kecemasan Pelajar - RM88 ribu
- iv. Tabung Kebajikan Pelajar - RM70 ribu
- v. Pengurusan Puncak Alam (Aktiviti pelajar) - RM171 ribu

93. Peningkatan peruntukan pembangunan pelajar yang diluluskan pada tahun 2025 mencatat pertambahan sebanyak **RM95 ribu** berbanding tahun 2024, sekali gus menunjukkan komitmen berterusan pihak pengurusan dalam memperkukuh kebajikan, pembangunan dan kesejahteraan mahasiswa.

94. **iCARE** pula telah melaksanakan inisiatif Pengurusan Ruang Niaga 2025 secara proaktif melalui **5** siri temuduga, serahan surat tawaran, dan taklimat khusus kepada pengusaha baharu.

95. Sebanyak **336** penyertaan syarikat telah diterima bagi merebut peluang mengisi **111** kekosongan ruang niaga yang ditawarkan.

96. Proses pemilihan yang telus ini akhirnya menyaksikan **61** surat tawaran rasmi berjaya dikeluarkan kepada pengusaha yang layak.

97. Tahniah dan terima kasih kepada pihak iCARE yang telah berjaya melaksanakan proses tender melebihi pencapaian sebenar iaitu 2 kali setahun.

98. **BPSM** terus memainkan peranan sebagai nadi utama penyampaian perkhidmatan, khususnya dalam aspek pengurusan hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia UiTM Cawangan Selangor.

99. Pelbagai kemudahan seperti permohonan Surat Jaminan Hospital, Surat Pengesahan Majikan, serta penggunaan kenderaan UiTM bagi urusan rasmi staf telah diurus dengan cekap dan berkesan, serta menunjukkan peningkatan permohonan kemudahan bagi tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya.

100. Perbelanjaan **perubatan** bagi tahun 2025 pula menunjukkan penurunan sebanyak **20%** berbanding tahun 2024, sekali gus menunjukkan peningkatan tahap kesihatan warga di samping mencerminkan

keberkesanan inisiatif kesejahteraan dan pencegahan yang dilaksanakan.

101. Tahun 2025 juga menyaksikan perubahan signifikan dalam pengurusan **pakaian seragam** staf apabila Jabatan Pendaftar, UiTM Shah Alam melaksanakan semakan semula kelayakan pembekalan yang merangkumi penetapan semula jawatan serta kuantiti pakaian seragam kepada staf yang layak.

102. Sukacita saya maklumkan bahawa beberapa pembelian aset penting telah diluluskan untuk meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan di UiTM Cawangan Selangor. Antaranya:

- i. Pembelian Kereta Proton S70 bernilai RM85,000.00 menggunakan peruntukan Akaun Amanah Am UCS.

- ii. Pembelian Bas UCS sebanyak tiga (3) buah, dijangka akan diserahkan secara rasmi pada 31 Mac 2026 oleh Naib Canselor.
- iii. Pembelian Van OKU bagi tujuan mobiliti warga kurang upaya.
- iv. Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) telah menerima kelulusan pembelian sebuah van jenazah.
- v. Pembelian sebuah van penumpang dengan anggaran harga RM175,000.00 menggunakan peruntukan Akaun Amanah Am UCS.

103. Inisiatif ini menunjukkan komitmen pihak pengurusan dalam memperkukuh kemudahan dan keberkesanan perkhidmatan di semua peringkat, sejajar dengan usaha berterusan untuk meningkatkan kesejahteraan warga.

104. Bagi memastikan mutu perkhidmatan kewangan kepada warga dan pelanggan UCS berada pada

tahap cemerlang, kesemua proses kewangan dipastikan mematuhi Piagam Pelanggan Bahagian Kewangan.

105. Syabas **Bahagian Kewangan** atas pencapaian tahap 100% bagi kesemua proses penyampaian perkhidmatan kewangan bagi tahun 2025.

106. Salah satu tonggak utama kejayaan UCS ialah usaha gigih **Bahagian Pengurusan Fasiliti**, yang terus komited memperkukuh penyampaian perkhidmatan demi keselesaan dan keselamatan warga kampus.

107. Melalui pelbagai inisiatif strategik, kita dapat menyaksikan transformasi nyata pada infrastruktur kampus.

108. Selain itu, pensijilan **EMGS** dengan tiada sebarang cadangan penambahbaikan (*Zero*

Opportunity for Improvement) mencerminkan tahap kepatuhan serta standard perkhidmatan pengurusan tenaga yang selaras dengan akta dan piawaian bertaraf antarabangsa.

109. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh warga UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam atas kejayaan mencatatkan **penjimatan** penggunaan tenaga elektrik (kWh) sebanyak **4.4 juta kWh** (6.01%) pada tahun 2025 berbanding tahun 2024.

110. Pencapaian membanggakan ini bukan sahaja mencerminkan komitmen berterusan warga kampus terhadap amalan penggunaan tenaga secara cekap dan mampan, malah turut menyumbang kepada **pengurangan kos utiliti elektrik** universiti berjumlah **RM6.4juta** (16.75%) pada tahun 2025 berbanding tahun sebelumnya.

111. Setiap kemajuan ini bukan sahaja menjadi tanda aras kecekapan, tetapi juga mencerminkan nilai teras UiTM Cawangan Selangor yang sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek penyampaian perkhidmatan.

112. Usaha menaik taraf prasarana kediaman pelajar turut mencerminkan keprihatinan pihak pengurusan terhadap aspek keselamatan dan keselesaan pelajar.

113. Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah projek penggantian bumbung genting konkrit kepada bumbung dek logam di Kolej Kediaman Angsana 1 hingga 5 serta Kolej Rafflesia 1 hingga 6, Kampus Puncak Alam, selain kerja-kerja mengecat yang dijalankan dengan teliti bagi memastikan suasana kediaman yang kondusif, selesa, dan selamat untuk warga pelajar.

114. **Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)** juga sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga UCS yang terdiri dari kalangan mahasiswa, staf akademik dan staf pentadbiran.

115. Bagi tahun 2025, **9** sesi libat urus telah dilaksanakan bersama PTJ UiTM Cawangan Selangor dan **11** sesi libat urus bersama Fakulti sebagai platform kolaborasi dan pengukuhan budaya ilmu universiti.

116. Hasil usaha ini, PTAR telah berjaya mencapai 100% pemilikan Bahan Rujukan Universiti melibatkan semua fakulti di 4 kampus UCS.

117. Melalui usaha berterusan Unit Arkib pula, PTAR telah berjaya meningkatkan kesedaran warga tentang kepentingan menyerahkan rekod bernilai, dengan menerima sejumlah **5,913 rekod** untuk pengurusan dan pemeliharaan, menandakan

komitmen seluruh warga terhadap amalan pengurusan rekod yang lebih sistematik dan berintegriti.

118. Dalam memastikan akses internet sentiasa stabil dan dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga, **Bahagian Digital** melaksanakan pemantauan capaian internet secara berkala.

119. Melalui pemantauan ini, sambungan internet dapat disalurkan dengan lebih berkesan ke bangunan pentadbiran, akademik dan kolej kediaman pelajar serta ruang guna sama yang memerlukan capaian internet melalui kemudahan WiFi.

120. Bagi menyokong pelan strategik UiTM dalam pemantapan nilai ESI dan iDART, **Unit Hal Ehwal Islam** telah melaksanakan Program Mauizah dengan melibatkan **11** jabatan dan **6** fakulti di UiTM Cawangan Selangor.

121. Sepanjang 2025, seramai **3577** orang staf telah mengikuti program ini yang diadakan pada setiap bulan.

122. **Polis Bantuan** turut memainkan peranan penting dalam penyampaian perkhidmatan terhadap warga dengan menjaga keselamatan dan ketenteraman di kampus.

123. Taklimat dan Pemeriksaan Sahsiah Rupa Diri dijalankan bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan disiplin penampilan serta memberi panduan berkenaan peraturan yang perlu dipatuhi untuk melahirkan graduan yang berintegriti dan berketerampilan.

124. Penyampaian perkhidmatan di **Kampus Sungai Buloh** turut dilaksanakan melalui aktiviti perkongsian ilmu, pembangunan diri serta program outreach kepada pemegang taruh.

125. Aktiviti-aktiviti ini bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kesejahteraan staf serta pelajar, sambil memastikan maklumat dan keperluan akademik dapat disampaikan dengan berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

126. Pihak pengurusan sentiasa cakna akan kepentingan untuk **memperkasakan penyampaian perkhidmatan** agar dapat memberikan yang terbaik untuk warga.

127. Pelbagai usaha telah dilaksanakan di setiap peringkat dan bahagian bagi meningkatkan mutu perkhidmatan.

128. Dalam memastikan kecekapan operasi dan memenuhi keperluan pelanggan, beberapa inovasi di peringkat **Bahagian Hal Ehwal Pelajar** telah

dilaksanakan dalam menambahbaik proses penyampaian perkhidmatan.

129. Antara Inovasi yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Pengeluaran Surat Akuan Kemudahan Perubatan Secara Atas Talian Di Luar Waktu Pejabat (EzGL)
- ii. Google Site HEP - HEP4U
- iii. Sistem eKENDERAAN
- iv. Sistem drop box kunci di Kolej Rafflesia

130. Tahniah HEP atas semua inisiatif yang dilaksanakan bagi tujuan pemerkasaan perkhidmatan di UCS.

131. Dengan penambahbaikan ini, saya yakin kita sedang bergerak ke arah sebuah organisasi yang lebih efisien, lebih responsif, lebih moden dan lebih berkesan dalam penyampaian perkhidmatan.

132. **iCARE** pula telah melaksanakan beberapa program pemerkasaan seperti lawatan premis ruang niaga di Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana bagi memastikan pematuhan kebersihan, susun atur, dan keselamatan premis.

133. Perbincangan penyelarasan dokumen kontrak turut diadakan bagi menyeragamkan perjanjian ruang niaga.

134. **BPSM** juga sentiasa komited dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif penambahbaikan yang berterusan demi memastikan urusan pentadbiran dan sumber manusia di universiti berjalan dengan lebih cekap dan berkesan.

135. Bagi tahun 2025, BPSM telah memperkenalkan beberapa inovasi baharu, antaranya:

- i. Audit Pematuhan Tadbir Urus dan Pengurusan Mesyuarat (APTUm) dan Buku Kit APTUm,
- ii. Garis Panduan Pelantikan Pentadbir Akademik UiTM Cawangan Selangor,
- iii. Kompilasi Bahan Penerbitan Infografik dan Brosur BPSM,
- iv. Dashboard Status Maklum Balas Tabung Amanah Am UiTM Cawangan Selangor, dan
- v. Borang Pengesanan Dokumen Rasmi BPSM.

136. Suka saya merakamkan penghargaan atas inisiatif pelaksanaan **APTUm** yang telah memberi impak kepada penambahbaikan tata kelola (governans) yang baik bagi memastikan ketelusan, akauntabiliti dan keberkesanan pembuatan keputusan di peringkat kampus serta pemerkasaan pengurusan mesyuarat.

137. Sebagai institusi yang menggalas amanah memelihara warisan ilmu, **PTAR** komited

melaksanakan penciptaan dan pemeliharaan pengetahuan secara strategik melalui inisiatif yang berperanan sebagai pusat rujukan dan warisan ilmu untuk generasi masa kini dan akan datang.

- i. Koleksi Khas 3R (*Royal, Race & Religion*) dan
- ii. Repositori Minda Rektor UCS.

138. Selain itu, PTAR juga telah melaksanakan Collaborative Teaching bagi memberikan pendedahan praktikal tentang teknik pemeliharaan dan penjilidan bahan, sekaligus memperkayakan pengalaman pembelajaran dan mengukuhkan kerjasama akademik antara PTAR dan fakulti.

139. **Bahagian Pengurusan Fasiliti** telah menjadi tulang belakang dalam memastikan ekosistem kampus bukan sahaja berfungsi dengan baik, tetapi sentiasa berada pada tahap terbaik.

140. Antara inisiatif strategik paling signifikan ialah pelaksanaan sistem utiliti dan *bersepadu (Integrated Utility System)* yang dilengkapi komponen pemantauan, kawalan dan pelaporan pengurusan utiliti secara holistik.

141. Selain itu, sistem *myvenue@uitm* turut diperkenalkan, bagi memudahkan urusan tempahan ruang dan fasiliti di kampus puncak alam.

142. **Bahagian Digital** turut melaksanakan usaha menambah baik infrastruktur ICT, khususnya sistem rangkaian di seluruh UiTM Cawangan Selangor, melalui projek naik taraf yang dibiayai di bawah dana RMKe-12, RMKe-13 serta projek khas MCMC.

143. Sebanyak **19** projek telah dirancang sejak tahun 2024 merentas kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan dengan nilai hampir RM12 juta, di mana **9** projek telah

siap dilaksanakan, 5 sedang berjalan dan 5 lagi dalam proses semakan pihak MCMC.

144. Selain itu, inisiatif turut dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi capaian internet dan liputan WiFi, khususnya di bangunan konvensional Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Farmasi.

145. Bagi meminimumkan gangguan terhadap perkhidmatan sistem rangkaian serta mengurangkan risiko kerosakan peralatan ICT, Bahagian Digital turut melaksanakan usaha penggantian peralatan sokongan ICT bagi memastikan bekalan tenaga elektrik sementara dapat disalurkan sekiranya berlaku gangguan atau terputusnya bekalan utama.

146. Sehubungan itu, dua projek telah dirancang bagi penggantian sistem UPS di Bilik Server dan Bilik ICT yang menempatkan peralatan rangkaian utama,

khususnya di Kampus Puncak Alam dan Kampus Sungai Buloh.

147. Perneriksaan perkhidmatan di **Polis Bantuan** telah diperkukuh melalui pengenalan platform PAKAT@UCS sebagai pusat rujukan tunggal yang menghimpunkan maklumat penting untuk pelajar dan staf.

148. Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan akses maklumat, malah mempercepatkan tindakan serta meningkatkan keselamatan dan kebajikan warga UiTM Cawangan Selangor.

149. Seiring dengan itu, Saluran Rasmi WhatsApp turut diperkenalkan dan Buku Dokumen Proses Kerja telah diterbitkan sebagai langkah memperkukuh penyampaian maklumat, memastikan keseragaman operasi serta meningkatkan kesiapsiagaan keselamatan di seluruh kampus.

150. Sebagai langkah pemerkasaan penyampaian perkhidmatan di **Kampus Sungai Buloh**, pengurusan kampus telah mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan program bagi pembentukan modal insan berintegriti warga kampus.

151. Saya percaya, setiap inisiatif penambahbaikan dan peningkatan penyampaian perkhidmatan telah dirancang dengan teliti bagi memastikan impaknya dapat dirasakan oleh semua warga, terutama dari aspek keselesaan, keselamatan dan suasana pembelajaran pelajar.

152. Saya berharap, dengan kerjasama semua pihak, kita mampu memastikan kesemua inisiatif ini dapat dilaksanakan mengikut jadual dan memberi manfaat maksimum kepada warga kampus – InsyaAllah.

Warga UCS sekalian,

153. Peningkatan kompetensi warga adalah satu keutamaan dalam usaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

154. Tahap kompetensi warga adalah petunjuk dalam kecemerlangan dan kemajuan sesebuah organisasi.

155. Maka untuk merealisasikan matlamat tersebut, peningkatan kompetensi warga amatlah penting dan perancangan yang teliti perlu dilaksanakan.

156. Dalam konteks ini, **BPI** menekankan kepentingan kompetensi penyelidikan yang tinggi sebagai kunci untuk menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi dan berintegriti.

157. Saya difahamkan, BPI telah menganjurkan pelbagai taklimat, bengkel, dan program sepanjang tahun 2025.

158. Semua inisiatif ini menunjukkan komitmen BPI untuk melengkapkan setiap warga UiTM Cawangan Selangor dengan pengetahuan dan kemahiran terkini yang diperlukan dalam landskap penyelidikan dan inovasi yang dinamik.

159. Pihak **HEP** telah melaksanakan beberapa siri bengkel bagi meningkatkan kompetensi warga UCS, diantaranya:

- i. Taklimat Pengurusan Tatatertib Pelajar
- ii. Taklimat Penyelarasan Penggunaan Sistem MyHEP
- iii. Ceramah EKSA
- iv. Bengkel Kecemerlangan Operasi (OE)
- v. Bengkel Penyelarasan dan Pemantapan Pemantauan Ruang Niaga

160. Inisiatif yang diambil oleh pihak iCARE untuk meningkatkan kompetensi warga dilaksanakan melalui pelbagai kursus dan taklimat yang memberi

penekanan kepada pengurusan diri, profesionalisme dalam kerjaya serta pembangunan kemahiran kepimpinan, seperti:

- i. Taklimat Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (Sksp) Perkeso
- ii. Kursus Etika Profesional
- iii. LEADXUCS2025

161. Saya yakin, program yang dianjurkan bukan sahaja memantapkan keupayaan individu, tetapi juga menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pelajar, seterusnya menyokong pembinaan budaya pembelajaran berterusan, integriti dan profesionalisme di kalangan warga.

162. Komitmen **BPSM** dalam mempertingkatkan kompetensi warga turut diterjemahkan melalui pelaksanaan siri-siri kursus dan program berteraskan latihan dan kompetensi staf seperti:

- i. Program Bicara Pentadbir@UCS

- ii. Program Upskill@UCS
- iii. Kursus Penggunaan Sistem e-Mesyuarat,
- iv. Kursus Penyeliaan Berkesan,
- v. Program Sangkutan@BPSM: Pengurusan Fail dan Rekod Jabatan,
- vi. Kursus Pengukuhan Integriti Bersama SPRM,
- vii. Kursus Pengukuhan Kompetensi

163. Kesemua inisiatif ini menunjukkan usaha berterusan BPSM dalam membina staf yang professional dan berkemahiran tinggi, seterusnya menyokong kecemerlangan operasi di UiTM Cawangan Selangor.

164. Selain menguruskan kewangan universiti, **Bahagian Kewangan** juga aktif di dalam menyampaikan sesi taklimat kewangan, penganjuran webinar kewangan dan mengadakan bengkel berkaitan kewangan kepada warga.

165. Saya berharap agar semua usaha dan inisiatif ini dapat meningkatkan kompetensi warga UCS, khususnya dalam pengurusan kewangan di PTJ.

166. Pustakawan **PTAR** turut berkongsi kepakaran melalui pelbagai program, antaranya:

- i. Program Bacaan Pantas (*Speed Reading*) yang dilaksanakan di UiTM serta agensi luar seperti Kementerian Pengajian Tinggi dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).
- ii. Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah (PSS) bersama Guru-Guru Penyelaras PSS Negeri Selangor.
- iii. Program Pemantapan Pengawas Pusat Sumber bersama pelajar Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya.
- iv. Perkongsian ilmu bersama mahasiswa Fakulti Sains Maklumat

167. Keseluruhan inisiatif ini bertujuan memperkasa kemahiran profesional staf, meningkatkan kecekapan pengurusan maklumat, serta menyokong misi PTAR dalam membudayakan ilmu dan memperkukuh ekosistem pembelajaran serta penyelidikan di UiTM.

168. **Bahagian Pengurusan Faisiliti** juga berterusan merangka dan menyusun strategi untuk pembudayaan pengurusan tenaga yang cekap.

169. Penganjuran program yang amat signifikan, iaitu Taklimat Pengenalan Persijilan Energy Management Gold Standard (EMGS) di bawah inisiatif Asean Energy Management Scheme (AEMAS) membuktikan kemampuan UCS dalam memperkukuh amalan kelestarian tenaga selaras dengan akta dan aspirasi nasional.

170. Saya yakin, inisiatif seumpama ini tidak akan terlaksana tanpa dedikasi, kompetensi dan

profesionalisme warga BPF, serta kerjasama semua pihak bagi memastikan perkhidmatan pengurusan fasiliti terbaik dapat disampaikan.

171. **Bahagian Digital** juga telah mengambil inisiatif tambahan dengan menganjurkan sesi perkongsian bersama wakil industri dan staf, merangkumi pelbagai topik relevan untuk memperkukuh kemahiran serta pengetahuan digital warga UCS.

172. Saya melihat usaha berterusan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan kemahiran teknikal, malah turut menyumbang kepada peningkatan kompetensi individu bagi menghadapi perkembangan pesat dalam landskap teknologi semasa.

173. Dalam usaha meningkatkan kompetensi staf melalui pemupukan nilai rohani yang seimbang, **UHEI** telah menganjurkan pelbagai program dengan tujuan

meningkatkan pengetahuan dan kemahiran praktikal, mengukuhkan kesejahteraan psikospiritual, serta menerapkan penghayatan nilai Adiwangsa dalam kalangan staf di UiTM Cawangan Selangor.

174. Antaranya adalah Program Pengurusan Jenazah, Bicara Mengenali Ajaran Sesat, Kursus Falak Syarie, Kursus Emosi & Wanita, Program Keluarga Sakinah, Mauizah Khas serta Program Kemampanan Adiwangsa.

175. Sesi Perkongsian Ilmu **Polis Bantuan** pula telah dianjurkan sebagai usaha memperkasa pengetahuan dan kemahiran anggota Polis Bantuan.

176. Manakala, Kempen "Kampus Sejahtera" telah diadakan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Selangor dengan fokus kepada peningkatan keselamatan dan kesejahteraan kampus bagi menangani isu-isu

seperti Keselamatan Kediaman dan Jalan Raya, Disiplin (SRD), serta Amang dan Buli di Kampus.

177. Kampus Sungai Buloh juga telah menganjurkan pelbagai kursus kepada staf pentadbiran dan akademik dalam usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

178. Melalui Unit Pentadbiran & Sumber Manusia, kursus-kursus berkaitan pengurusan dan pentadbiran, dan antara lain adalah;

- i. Konvensyen Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Negeri Selangor
(Kerjasama Unit Hal Ehwal Islam UiTM dan Jabatan Agama Islam Selangor, JAIS)
- ii. Program Seni Mengurus Emosi
(Anjuran Unit Psikologi dan Kaunseling dengan kerjasama Unit HEP Fakulti Perubatan)
- iii. Program Sand Tray Therapy: Landscape of Inner Child (Anjuran Unit Psikologi dan Kaunseling)

iv.Kursus DIY Penyelenggaraan Komputer (Anjuran Unit Digital)

v.Kursus Pengenalan Microsoft Power BI (Anjuran Unit Digital)

179. Mewakili pihak pengurusan UCS, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga yang sentiasa komited dan berdaya maju dalam usaha meningkatkan kompetensi diri dan juga PTJ masing-masing.

180. Semoga usaha ini terus dipertingkatkan lagi bagi tahun-tahun akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

181. Hubungan strategik melalui jalinan komuniti dan khidmat masyarakat menjadi landasan penting dalam membina kepercayaan, kebersamaan dan manfaat

bersama antara UiTM Cawangan Selangor dan masyarakat.

182. Usaha menjalin hubungan baik dengan komuniti serta agensi kerajaan turut diperkukuh melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti yang dirancang secara berterusan.

183. **Bahagian Penyelidikan dan Inovasi** telah melaksanakan pelbagai inisiatif komuniti berasaskan penyelidikan dan inovasi sosial, yang bertujuan untuk menyebarkan hasil penyelidikan kepada masyarakat dan menggalakkan keterlibatan warga kampus dalam program komuniti.

184. Aktiviti-aktiviti yang disertai bukan sahaja meningkatkan imej UCS sebagai kampus berorientasi penyelidikan, tetapi juga menggalakkan hubungan dua hala antara bersama agensi kerajaan dan masyarakat.

185. **Bahagian Hal Ehwal Pelajar** meneruskan inisiatif bagi menjalinkan hubungan komuniti melalui penganjuran pelbagai program berbentuk akademik, sosial, kebajikan serta tanggungjawab sosial universiti.

186. Antara program yang dijalankan termasuk

- i. Lawatan Akademik '*Program Tuition Mission*' Putrajaya 2025 dan
- ii. Program 'University Social Responsibility Sinergi Bersepadu: STEM, Psikologi & Keusahawanan' 2025 anjuran Unit Psikologi & Kaunseling

187. Manakala program Sejiwa Sihat UCS telah dilaksanakan melalui kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor bersama PKD Petaling, serta Unit Kesihatan yang turut mencatat pencapaian membanggakan sebagai **Naib Johan Pertandingan Sudut Kitar Semula Daerah Kuala Selangor**.

188. Seiring itu, HEP turut menyumbang kepakaran staf dan pelajar dalam Putrajaya Parks Day 2025 melalui penganjuran Pertandingan Aerodance, dan Unit Kebudayaan pula telah mengangkat kreativiti pelajar dan komuniti seni menerusi Program Gamelan Showcase: Malam Mustika Gemawan 2.0.

189. Tidak ketinggalan, misi bantuan kemanusiaan pasca kebakaran serta bantuan mangsa banjir memperlihatkan kepimpinan pelajar dalam kerja sukarelawan.

190. Saya yakin usaha berterusan ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan dengan komuniti, malah membentuk pelajar yang berempati, berjiwa sukarelawan dan bersedia menyumbang kepada masyarakat secara berimpak.

191. **iCARE** yang berperanan utama menjalinkan hubungan bersama komuniti dan masyarakat setempat telah menyertai beberapa program anjuran agensi kerajaan dan swasta.

192. Melalui Program Sabak Bernam Voluntourism yang memfokuskan kepada kelestarian alam, peserta dari UCS menyertai aktiviti gotong-royong sambil menikmati pengalaman pelancongan desa, dengan kawasan sawah padi sebagai lokasi utama bagi pembersihan sukarela ini.

193. Kerjasama dalam acara larian komuniti Tropicana Alam Muhibbah Run 2025 pula telah membolehkan warga UCS terlibat secara aktif, memupuk semangat kesihatan, kerjasama dan keterlibatan sosial bersama masyarakat setempat.

194. Manakala Majlis Pelancaran Program “Fuel Your Success One Bite at A Time” merupakan kerjasama

strategik bersama jenama roti terkenal, Gardenia, yang bertujuan menyokong kesejahteraan pelajar serta meningkatkan kesedaran tentang pemakanan sihat di kalangan warga.

195. Saya percaya, program-program ini bukan sahaja memberi kesan positif kepada warga, ia sekaligus memupuk semangat kerjasama dengan membawa imej UCS di mata masyarakat.

196. Kolaborasi dengan komuniti terus menjadi tonggak utama dalam memperkukuhkan **PTAR** sebagai hab ilmu dan rujukan unggul.

197. Jaringan dan peranan PTAR diperluas melalui program komuniti yang strategik dan inovatif, membuka akses ilmu yang lebih luas serta memupuk generasi dan komuniti yang celik maklumat dan berdaya saing.

198. Saya yakin, program-program yang telah dijalankan oleh semua PTJ bukan sahaja berjaya mencapai objektif masing-masing, malah telah mengangkat UCS ke tahap yang lebih tinggi sebagai sebuah institusi yang benar-benar menjadikan konsep “universiti untuk masyarakat” satu kenyataan.

Hadirin yang dikasihi,

199. Menjadi keutamaan saya dan pihak pengurusan untuk memastikan kesejahteraan dan kegembiraan warga sentiasa diberi perhatian.

200. Sehubungan itu, saya sentiasa menitikbertakan setiap aktiviti yang dirancang mengambil kira aspek ini sebelum dilaksanakan, supaya ia memberi manfaat dan pengalaman yang positif kepada semua.

201. Pada tahun 2025, kita telah menyaksikan pelbagai program rasmi universiti yang dijalankan oleh **Unit Komunikasi Korporat**, dengan inisiatif meningkatkan kegembiraan dan keterlibatan warga melalui aktiviti-aktiviti berimpak.

202. Sambutan Hari Raya dengan tema “Hijau Lestari”, yang diadakan bertepatan dengan Sambutan Hari Bumi Sedunia dirancang dengan teliti hasil kerjasama staf merentas jabatan, mendapat liputan meluas sekali gus meningkatkan ketampakan UiTM Cawangan Selangor di peringkat nasional.

203. Sambutan Bulan Kebangsaan 2025 pula telah melibatkan lebih 300 orang staf merentasi kampus dan fakulti, serta dimeriahkan dengan penganjuran acara UiTM Happiness Walk turut mengukuhkan nilai perpaduan serta meningkatkan indeks keriangin dalam kalangan warga.

204. Manakala penganjuran UiTM Selangor Fun Walk 2025 yang melibatkan penyertaan merentas jabatan dan fakulti menjadi platform riadah yang bersifat inklusif dan menyeronokkan.

205. Saya berharap penganjuran seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan kerana ia bukan sahaja memupuk kebersamaan, malah melahirkan warga UCS yang lebih mengenali antara satu sama lain merentas PTJ.

206. Pihak pengurusan sentiasa mendengar suara warga. Justeru, kita telah meluluskan peruntukan di bawah inisiatif Sejahtera UCS 2025 kepada PTJ, bagi menganjurkan pelbagai program di peringkat PTJ sebagai usaha berterusan memperkukuh kesejahteraan serta mengeratkan hubungan di kalangan warga kerja UCS.

207. Saya amat gembira apabila inisiatif ini disambut baik oleh semua PTJ yang seterusnya telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang bukan sahaja meningkatkan kegirangan warga, malah sarat dengan pengisian yang bermanfaat.

208. Dalam memastikan kegirangan warga berada pada tahap yang terbaik, **BPSM** juga telah melaksanakan beberapa aktiviti seperti:

- i. Lawatan ke ASEAN Arts and Crafts Bazaar (AACB) 2025 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, dan
- ii. Jom Sihat @ UCS 2025 sebanyak dua (2) siri.

209. Saya difahamkan aktiviti lawatan ke Kompleks Kraf ini menerima maklum balas yang amat positif di mana staf UiTM Cawangan Selangor telah menyampaikan ucapan penghargaan di atas keprihatinan pihak pengurusan terhadap kesejahteraan warga kerja.

210. Maklum balas sebegini amat bermakna kepada pihak pengurusan kerana membuktikan keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan oleh PTJ.

211. Sepanjang tahun, **Unit Hal Ehwal Islam** telah melaksanakan beberapa program berbentuk kebersamaan dengan tujuan mengeratkan silaturahim serta meningkatkan tahap kegirangan dalam kalangan warga khususnya sambutan hari-hari kebesaran Islam.

212. Hasil maklum balas yang diterima menunjukkan bahawa program-program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dalam kalangan warga.

213. **Kampus Sungai Buloh** turut mengambil kira kegembiraan warga dalam melaksanakan aktiviti atau program bagi mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan.

214. Ini termasuk pelbagai inisiatif kebersamaan, sambutan perayaan, serta penambahbaikan kemudahan surau di kampus.

215. Para pelajar kampus turut menganjurkan pelbagai aktiviti yang meningkatkan keseronokan serta kualiti kehidupan mereka di dalam kampus melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kebersamaan, kepimpinan dan penerokaan ilmu.

216. Di samping itu, aspek kesihatan warga turut dititikberatkan melalui penganjuran aktiviti berbentuk fizikal dan rekreasi hasil inisiatif kampus.

217. Saya percaya kejayaan UCS bukan hanya diukur melalui pencapaian tadbir urus yang berkesan tetapi melalui kesatuan, kreativiti, dan keupayaan kita untuk mencipta impak bermakna kepada semua dalam pelbagai sudut.

218. Justeru, saya mendoakan semoga ukhwah yang terjalin dikalangan warga dapat dikekalkan demi keharmonian dan kesejahteraan UCS, sekaligus terus meningkatkan indeks kegembiraan warga.

Hadirin sekalian,

219. UiTM Cawangan Selangor terus mencatat kemajuan yang memberangsangkan dalam pelbagai bidang, menunjukkan komitmen berterusan warga universiti dalam merealisasikan aspirasi kecemerlangan dan daya saing di peringkat nasional dan global.

220. Pada tahun 2025, hala tuju UiTM digariskan melalui ombak transformasi bertemakan “*Globally Renowned University, / Universiti Dikenali Dunia.*”

221. Aspirasi ini terus menjadi kompas utama dalam usaha memperkukuh kecemerlangan institusi serta mempertingkatkan daya saing UiTM di persada global.

222. Berpandukan aspirasi tersebut, pencapaian UiTM Cawangan Selangor bagi tempoh 2021 hingga 2025 jelas mencerminkan arah tuju yang positif dan berdaya maju.

223. Walaupun berdepan penurunan pada tahun 2022 dan 2024, prestasi UiTM Cawangan Selangor berjaya dipulihkan dan terus meningkat, sekali gus membuktikan kejayaan kita dalam melaksanakan kesemua PI yang diamanahkan.

224. Pada tahun 2025, kesemua **16 Petunjuk Prestasi** berjaya mencapai 100%.

225. Pencapaian ini meletakkan UiTM Cawangan Selangor sebagai cawangan dengan prestasi

keseluruhan tertinggi berbanding cawangan-cawangan lain.

226. Pencapaian menyeluruh ini sekaligus mengukuhkan kedudukan UiTM Cawangan Selangor sebagai penanda aras prestasi dan keberkesanan pelaksanaan strategik dalam kalangan cawangan UiTM.

227. Kejayaan meraih **Penarafan 6 Bintang** sepanjang tempoh 5 tahun ini bukan sahaja mencerminkan kecekapan tadbir urus, malah menzahirkan komitmen bersepadu seluruh warga dalam memacu kecemerlangan institusi secara mampan.

228. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada semua warga.

Hadirin yang dihormati,

229. Adalah wajar kita semua sebagai warga kerja yang mendokong usaha pihak pengurusan untuk cakna dan memahami halatuju UiTM.

230. Segala perancangan yang dibuat dan strategi yang diatur adalah seiring dengan hasrat dan mandat yang diturunkan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

231. Sukacita saya berkongsi dengan seluruh warga bahawa sejajar dengan amanat Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia 2026, Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 telah menetapkan hala tuju strategik bagi memacu pembangunan pendidikan tinggi negara.

232. Akademia terus diperkasakan sebagai pembina bangsa, manakala kemenjadian siswa diberi penekanan daripada peringkat polisi kepada pelaksanaan yang nyata.

233. Dalam masa yang sama, tadbir urus institusi diperkukuh, POLYCC menerajui pendidikan teknik dan profesional, alumni digalakkan kembali menyumbang kepada kampus, serta kecerdasan buatan dimanfaatkan sebagai pemangkin transformasi pendidikan.

234. Keseluruhan pendekatan ini bertujuan melahirkan graduan yang berkemahiran, beretika dan berdaya saing di peringkat global.

235. Seperti yang telah di umumkan kepada warga dalam sesi **Amanat Naib Canselor pada 28 Januari 2026**, UiTM melangkah ke fasa seterusnya melalui UiTM2030, sebuah **Pelan Transformasi Berimpak Tinggi** yang dirangka meletakkan UiTM sebagai universiti peneraju dalam memacu transformasi bumiputera profesional, demi kemakmuran negara.

236. Perancangan transformasi UiTM2020 hingga UiTM2040 telah digerakkan oleh Pejabat Transformasi Universiti secara tersusun, berfasa dan strategik.

237. Perancangan ini dibangunkan melalui pendekatan kolaboratif, inklusif dan berpaksikan data dengan penglibatan lebih 30,000 pemegang taruh, serta penjajaran yang jelas dengan aspirasi nasional dan trend pendidikan tinggi global.

238. Sebagai sebahagian daripada hala tuju UiTM bagi tahun 2026, YBhg. Naib Canselor turut mengumumkan tujuh pemakluman penting.

239. Antara tujuh pemakluman penting tersebut adalah penambahbaikan sistem kenaikan pangkat staf akademik melalui pengenalan empat laluan baharu, serta pembangunan mekanisme kenaikan pangkat staf pentadbiran yang lebih telus dan

berasaskan prestasi, yang akan dilaksanakan mulai 2026 bagi gred terpilih.

240. UiTM juga akan menubuhkan Pejabat Koordinasi UiTM–COMSTECH bagi memperkukuh pengantarabangsaan, menyertai secara rasmi Misi Satelit UiTMSAT-2 di Jepun, serta menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri pertama negara dalam bidang mikroelektronik dan semikonduktor.

241. Selain itu, Pelan Strategik UiTM2030 **akan dilancarkan** sebagai panduan hala tuju universiti lima tahun akan datang, disokong oleh pemerkasaan tadbir urus komunikasi universiti melalui platform pengisytiharan awam selaras dengan Akta 605.

242. Dalam konteks ini, UiTM Cawangan Selangor menyasarkan transformasi berimpak tinggi melalui pemantapan tadbir urus dan **pentadbiran yang cekap, telus serta berintegriti**, disokong oleh

pendigitalan menyeluruh sebagai pemacu kecekapan dan keberkesanan organisasi.

243. Keutamaan ini turut merangkumi **pengukuhan ekosistem penyelidikan** yang berfokuskan impak, sejajar dengan peranan universiti sebagai peneraju ilmu dan **pemacu inovasi** yang relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

244. Seiring aspirasi tersebut, **pembangunan kampus lestari** turut diberi penekanan melalui usaha memelihara kelestarian alam sekitar dan pengurusan sumber yang bertanggungjawab.

245. Pendekatan strategik ini diharap dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, memperkukuh hasil penyelidikan serta memperluas sumbangan UiTM Cawangan Selangor kepada pembangunan sosioekonomi negara secara mampan dan berdaya saing.

246. Bagi tahun 2026 hingga 2030, UiTM Cawangan Selangor menetapkan matlamat untuk menerajui kecemerlangan ilmu melalui pengukuhan inovasi dan penglibatan komuniti yang berdaya saing, sekali gus melonjakkan institusi ke arah keunggulan di peringkat global selaras dengan tuntutan masa hadapan dan aspirasi pembangunan negara.

247. Berdasarkan matlamat tersebut, kita telah menggariskan strategi yang memberi tumpuan kepada pemeraksanaan pembelajaran pelajar dan perkhidmatan sokongan yang terkehadapan, pembinaan komuniti kampus yang pintar dan berdaya saing, serta transformasi penyelidikan dan inovasi berimpak bersama industri dan komuniti.

248. Pada masa yang sama, usaha ini menyokong peningkatan reputasi serta keunggulan global UiTM Cawangan Selangor, di samping memmanifestasikan kebitaraan ilmu dan kelestarian komuniti.

249. Selaras dengan hala tuju tersebut, keseluruhan strategi ini menjadi landasan bersepadu dalam memastikan UiTM Cawangan Selangor terus kekal relevan, berdaya tahan dan mampan dalam mendepani cabaran pendidikan tinggi masa hadapan, sejajar dengan aspirasi nasional dan agenda transformasi universiti.

250. Saya berharap strategi yang digariskan ini dapat diterjemahkan melalui tindakan berfokus dan pelaksanaan yang berkesan di semua peringkat, seterusnya membentuk ekosistem universiti yang progresif, inklusif dan berteraskan kecemerlangan berimpak.

251. Sebelum mengakhiri ucapan, saya menyeru semua warga UiTM Cawangan Selangor untuk terus bekerjasama, berinovasi, dan komited dalam merealisasikan strategi yang telah digariskan ini, agar universiti kita kekal relevan, unggul, dan menjadi

contoh kecemerlangan di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

252. Akhir kata, setinggi penghargaan sekali lagi saya ucapkan kepada **Unit Komunikasi Korporat** selaku penganjur, dan **Bahagian Hal Ehwal Pelajar** atas usahasama penganjuran sesi pada pagi ini.

253. Tidak dilupakan, kepada semua PTJ yang telah menyumbangkan laporan pencapaian dan inisiatif anda.

254. Kepada jawatankuasa pelaksana, saya merakamkan jutaan terima kasih atas usaha anda yang telah bertungkus-lumus dan komited dalam memastikan kejayaan program ini.

255. Kepada semua hadirin, warga UCS, para mahasiswa yang saya kasihi, saya berharap **Keberhasilan Bersama UCS 2025, dan Aspirasi &**

Way Forward 2026 yang saya sampaikan hari ini dapat memberi nilai tambah kepada perancangan pembangunan anda dan PTJ kearah pencapaian cemerlang pada tahun 2026.

256. Terima kasih kerana sudi meluangkan masa dan hadir ke sesi ini.

257. Saya mendoakan agar kita semua terus memacu ke arah kecemerlangan UCS.

258. Semoga Allah SWT membalas usaha yang telah kita berikan, dan menerima ganjaran dengan nikmat terbaik di dunia dan akhirat.

259. Sebagai penutup, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa menjelang bulan Ramadan.

260. Marilah kita membuat persiapan rohani dan jasmani, agar ibadah yang dilalui menjadi kemenangan besar dari sudut keimanan, keinsafan dan perubahan diri, insya-Allah.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**